

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 1995/96

Mac/April 1996

HSB 333 Imperialisme dan Nasionalisme Di Benua Kecil India

Masa: [3 jam]

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI TUJUH (7) SOALAN DI DALAM DUA (2) HALAMAN.

Jawab mana-mana **EMPAT (4)** soalan sahaja.

Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

1. "Moghul gagal untuk mewujudkan sebuah negara yang komposit dengan memupuk kesatuan di antara orang Hindu dan orang Islam di India. Apa jua langkah ke arah itu, walaupun kecil sahaja, yang diambil oleh Akbar telah ditiadakan oleh Aurangzeb dan pengganti-penggantinya. Dasar-dasar mereka telah mencetuskan pemberontakan dari orang-orang Hindu dan pada akhirnya telah membawa kepada keruntuhan Empayar Moghul." [B.L. Grover]

Bincangkan.

2. "Pihak British tidak boleh dipersalahkan bagi keruntuhan ekonomi India. Mereka telah menyediakan kemudahan-kemudahan asas yang diperlukan bagi pertumbuhan ekonomi seperti jalan raya, jalan keretapi, telegraf dan sebagainya. Malangnya, pribumi India yang gagal untuk memainkan peranan yang positif untuk mengembangkan ekonomi." [Percival Griffiths]

Bincangkan.

3. "Dari banyak segi, Dahagi India merupakan satu pertahanan terakhir orde lama oleh golongan yang mengalami kerugian besar dalam orde baru." [Thomas R. Metcalf]

Bincangkan.

.../2

4. "Kami bukan pengemis dan dasar kami bukanlah meminta sedekah. Kami adalah duta rakyat India dalam kerajaan asing yang memperjuangkan kepentingan negara dan berusaha untuk mendapatkan sebanyak mana keuntungan yang boleh baginya." [G.K.Gakhale]

Nilaikan dakwaan ini dengan merujuk kepada perjuangan Kongres Kebangsaan India pada tahap awal iaitu dari tahun 1885 hingga 1905.

5. "Sebenarnya pengenalan Akta Kerajaan India 1919 dan 1935 mencerminkan hasrat murni pihak British untuk menyediakan India ke arah kemerdekaan. Para pemimpin Kongres Kebangsaan India telah melumpuhkan proses ini dengan memilih untuk memulaukan Akta-Akta ini."

Bincangkan.

6. Khilafat dengan jelasnya adalah isu yang asing kepada orang-orang Hindu. Namun Gandhi telah memasukkannya dalam agenda perjuangannya dengan harapan ia akan memupuk perpaduan di antara orang Hindu dan orang Islam. Sejauh manakah Gandhi berjaya dalam usaha ini?

7. "Dalam usaha mereka untuk mencari sekutu di kalangan orang-orang Islam bagi mengimbangi Kongres Kebangsaan India pihak British telah dengan sengaja mengubal dasar-dasar yang memberi kedudukan istimewa kepada orang Islam di India. Tindakan British inilah yang kemudian telah menyemai benih pemisahan di kalangan orang-orang Islam."

Bincangkan.

--ooo000ooo--